

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN HARI RAYA AIDIL FITRI

TEMPAT: RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA

TARIKH: 19 FEB 1996

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Bismillahir rahmanir rahim.
Allahu Akbar
Allahu Akbar
Allahu Akbar
Walillahilhamd

Tuan-tuan dan Puan-puan, Muslimin dan Muslimat
sekalian,

Alhamdulillah. Kita bersyukur ke hadrat Allah
Subhanahu wa Ta'ala kerana esok rakyat Malaysia yang
beragama Islam akan sekali lagi menyambut Hari Raya
Aidil Fitri dalam keadaan aman dan dengan meriah dan
gembira.

2. Walaupun keamanan negara kita adalah satu
perkara biasa, kita tidak harus lupa menghargainya
sepanjang masa. Jika kita tidak menghargainya, kita
mungkin membuat perkara-perkara yang boleh
menyebabkan keamanan bertukar kepada huru-hara,
sesuatu yang amat diharapkan oleh negara-negara
tertentu yang sering memburuk-burukkan negara kita
kerana kononnya keamanan kita adalah kerana negara
kita diperintah secara tidak demokratik dan
rakyatnya tidak bebas. Ramai juga pemimpin
masyarakat kita yang berpendapat bahawa tanpa huru-
hara kita tidak sebenarnya demokratik.
Alhamdulillah, majoriti rakyat tidak suka kepada
huru-hara. Mereka suka kepada keamanan dan
keselesaan hidup yang datang dengannya. Justeru
itu, mereka berhati-hati dalam tindak-tanduk mereka
terutama dalam bidang politik.

3. Sambutan Hari Raya tentulah meriah tetapi kita
di Malaysia tidaklah terlalu ghairah sehingga
melupakan diri. Kemeriahan sambutan kita adalah
sama seperti orang kebuluran yang akhirnya
dibebaskan daripada penderitaan kelaparan. Kita
gembira kerana sepanjang satu bulan kita telah
berjaya melawan nafsu, suatu kemenangan yang boleh
menolong kita menghadapi cabaran-cabaran lain.

Manusia yang tidak mampu melawan nafsu tidak akan berjaya, baik di dunia mahupun di akhirat. Kita yang mampu berhak bergembira kerananya. Puasa bukanlah semata-mata ibadat untuk akhirat yang tidak ada kaitan dengan kehidupan di dunia. Seperti juga dengan ibadat-ibadat lain dalam Islam, puasa menolong membentuk peribadi dan masyarakat yang mulia. Jika ini tidak berlaku dalam masyarakat Islam yang lain sebabnya ialah kerana puasa dianggap sebagai satu `ritual' semata-mata, sesuatu yang tidak ada kaitan dengan kehidupan di dunia.

4. Kita orang Islam di Malaysia bebas daripada malapetaka. Bukan sahaja itu, kita juga sedikit sebanyak dapat menghulur bantuan kepada saudara-saudara seagama dengan kita yang menderita di negara-negara lain. Apabila pihak Bangsa-Bangsa Bersatu tidak lagi sanggup membiayai pasukan-pasukan keamanan di Bosnia-Herzegovina, kita masih dapat membiayai tentera kita sendiri. Dan ini mampu kita buat kerana negara kita aman dan ekonominya kukuh sehingga dapat memenuhi tabung negara tanpa membelakangkan hak rakyat.

5. Kerana ini sahaja pun kita patut bersyukur dan merayakan Aidil Fitri dengan gembira. Tetapi tahun ini bagi kakitangan Kerajaan, terutama mereka yang berjawatan rendah, kegembiraan tentulah bertambah kerana mereka berjaya dalam tuntutan pelarasan gaji mereka dan diberi gaji awal untuk bulan Februari dan tambahan sebulan gaji tertakluk kepada maksimum RM650.00 sebagai pendahuluan `back pay' kerana kenaikan gaji dikira dari bulan Januari 1995. Sudah tentu jika ekonomi negara kita meleset, kita tidak mungkin dapat kenaikan gaji. Di samping itu, penswastaan telah berjaya mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dan menambah pendapatannya kerana keuntungan dan cukai serta hasil jualan agensi-agensi Kerajaan kepada swasta. Tanpa penswastaan mustahil kita dapat membayar bonus, memberi kenaikan gaji dan di masa yang sama mendapat berbagai-bagai kemudahan awam.

6. Di samping kita bergembira tentulah juga kita harus bersyukur kerana pendekatan dan dasar-dasar Kerajaan telah berjaya meningkatkan ekonomi negara dan hasil Kerajaan. Adalah amat penting juga kita mengetahui dari mana datangnya wang untuk tambahan gaji. Jika kita hanya mencetak wang, maka nilainya akan jatuh dan kenaikan gaji tidak akan memberi apa-apa faedah kepada kita. Kita akan berada di takuk yang lama juga. Wang yang kita perolehi adalah hasil daripada dasar-dasar Kerajaan yang berjaya membawa keamanan dan kemakmuran kepada semua.

7. Adalah menjadi niat dan matlamat Kerajaan ini untuk meningkatkan daya beli semua rakyat. Hanya

dengan menambah gaji tidak dengan sendirinya menambah daya beli rakyat. Untuk meningkatkan daya beli, harga barangan dan khidmat hendaklah tidak naik bersama. Seboleh-bolehnya harga barangan dan khidmat hendaklah di paras lama, iaitu kita mengawal inflasi sehingga tercapai Inflasi Sifar.

8. Inflasi Sifar bukan sahaja akan menguntungkan pekerja yang makan gaji tetapi juga peniaga sendiri. Jika mereka menaikkan harga untuk mendapat keuntungan yang lebih, walaupun hanya pada hari-hari perayaan, keuntungan mereka tidak akan menambah daya beli mereka kerana barangan lain juga akan naik harga dan pembekal-pembekal barangan mereka juga akan menaikkan harga. Dengan ini keuntungan mereka tidak akan meningkat sebanyak kenaikan harga yang dibuat oleh mereka. Yang berlaku hanyalah inflasi, iaitu penurunan daya beli daripada pendapatan mereka. Ingatlah wang yang banyak tidak bermakna jika kita tidak dapat membeli lebih daripada dahulu.

9. Peningkatan upah dan pendapatan sepatutnya menjadikan kita lebih kaya, iaitu lebih mampu membeli-belah. Hasrat Kerajaan ialah untuk meningkatkan daya beli rakyat supaya semua peringkat menikmati taraf hidup yang kian tinggi. Dan ini boleh berlaku jika kita semua bekerjasama dan bekerja kuat untuk menjayakan ekonomi kita melalui peningkatan hasil usaha kita serta mengawal inflasi.

10. Alhamdulillah, dalam usaha ini kita lebih berjaya daripada kebanyakan negara lain. Tetapi janganlah kita anggap keadaan ini boleh kekal dengan sendirinya jika kita tidak berusaha bersungguh-sungguh dan berhati-hati sepanjang masa.

11. Demikian juga keamanan di negara kita. Amatlah penting kita memelihara dan memupuk hubungan baik di kalangan penduduk pelbagai kaum di negara ini. Kita semua tentu sedar akan betapa mudahnya masyarakat berbilang kaum bersengketa dan bermusuhan-musuhan. Kita telah pun mengalami keburukan akibat rusuhan kaum. Tidak ada sesiapa pun yang untung.

12. Jika pada hari ini penduduk Malaysia yang berbagai-bagai keturunan, agama, budaya dan bahasa berjaya mengelak daripada rusuhan, satu daripada sebabnya ialah kerana pada hari-hari perayaan, kita sering kunjung-mengunjungi kawan dan rakan yang berbeza agama. Di bulan Ramadan yang baru berakhir ini kita dapati ramai orang bukan Islam menyertai orang Islam semasa berbuka puasa.

13. Walaupun penyertaan mereka tidak mempunyai apa-apa maksud keagamaan, penyertaan ini membolehkan mereka mengenal sedikit sebanyak agama rasmi negara kita. Dengan ini akan berkuranglah syak-wasangka

terhadap Islam dan orang Islam seperti yang dipupuk oleh masyarakat-masyarakat Barat yang sering mengaitkan Islam dengan ekstrimisme dan keganasan.

14. Kehadiran orang Islam di majlis-majlis perayaan orang bukan Islam juga menolong menghilangkan syak-wasangka antara kaum di Malaysia. Yang penting bukan menjamu selera tetapi menyertai bersama di hari perayaan. Walaupun berpuasa, orang Islam boleh mengunjungi kawan daripada kaum Cina pada tahun baru mereka.

15. Kita harap tidak ada sesiapa yang cuba menghalang budaya berbaik-baik antara penganut agama yang berlainan yang terdapat di negara ini. Kita tahu kesan rusuhan antara penganut agama yang berlainan yang berlaku di negara-negara lain. Rusuhan dan pembunuhan yang dahsyat berlaku. Kita orang Islam tahu bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak suka kepada huru-hara dan mereka yang mencetuskan huru-hara. Dengan memupuk suasana yang aman di negara kita, sebenarnya kita mengamalkan ajaran Islam.

16. Semasa kita bersyukur dan bergembira dengan keamanan dan kebahagiaan hidup di negara kita, janganlah pula kita lupa akan penderitaan orang Islam dan orang bukan Islam yang tidak bermusuh dengan orang Islam di merata tempat di dunia. Kita bukan sahaja perlu bersimpati dari jauh akan penderitaan mereka tetapi setakat yang kita mampu hendaklah kita hulurkan bantuan, terutama pada hari raya.

17. Di Bosnia-Herzegovina, Chechnya, Somalia, India, Rwanda, Burundi dan Palestin ramai orang Islam dan bukan Islam yang menderita. Adalah menjadi tanggungjawab kita menolong mereka setakat yang kita berhak dan mampu.

18. Jika di dalam negara kita, kita wajib menghulur bantuan kepada mereka yang tidak bernasib baik, demikian juga di arena antarabangsa, kita sebagai sebuah negara tidak boleh lupakan negara-negara yang tidak bernasib baik seperti kita tanpa mengambilkira agama mereka. Ingatlah, kerap kali apabila orang Islam menderita banyak juga pertolongan yang diberi oleh orang bukan Islam. Janganlah kita hanya sanggup menerima tetapi tidak sanggup memberi.

19. Kita juga harus ingat bahawa di beberapa negara Islam rusuhan yang dahsyat berlaku sesama orang Islam. Sebabnya ialah kerana pendapat politik yang berlainan. Kerana politik keagamaan, ada kumpulan-kumpulan yang mengganas dan membunuh orang Islam lain.

20. Memang benar fanatisme dan keganasan tidak

terhad kepada orang Islam sahaja. Tetapi hanya kerana orang lain ganas tidak bermakna kita juga harus fanatik dan ganas. Agama Islam menegaskan persaudaraan antara semua orang Islam. Apakah dengan mengganas dan membunuh orang Islam lain kita mengikut ajaran Islam?

21. Tidak ada sebab kita orang Islam tidak boleh mengatasi masalah kita, sedangkan kita adalah umat yang terpilih. Jika kita gagal sebabnya sudah tentu bukan kerana agama Islam. Sebabnya ialah kerana kita tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar dan kita terlalu mudah mengikut nafsu dan ajaran mereka yang berkepentingan. Rosaknya umat Islam dalam sejarah selalunya kerana taksud dengan ajaran-ajaran sesat oleh orang seperti ini.

22. Di masa kita bergembira merayakan Aidil Fitri yang mulia ini janganlah kita lupa akan anggota-anggota polis dan tentera kita dan pekerja-pekerja lain yang menjalankan tugas mereka dengan rela hati di seluruh negara dan di merata dunia, demi menjaga maruah, keselamatan dan kehormatan kita. Saya bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia mengucapkan terima kasih dan selamat berhariraya kepada mereka yang terpisah buat sementara daripada anak isteri dan kaum keluarga di Hari Raya ini. Jasa mereka tetap dihargai dan dikenang.

23. Pada kesempatan Hari Raya Aidil Fitri ini izinkan saya, bagi pihak Kerajaan, diri saya, isteri dan anak-anak saya, memohon maaf zahir dan batin atas apa juga kesalahan kami terhadap sesiapa sahaja. Selamat Hari Raya Aidil Fitri yang Mulia.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Allahu Akbar
Allahu Akbar
Allahu Akbar
Walillahilhamd